

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG  
WEI SHIEN [ JULAU ]**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini perlaksanaan projek membaiki sekolah-sekolah usang di Sarawak dan bilakah projek ini dijangkakan siap sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan penyediaan infrastruktur yang kondusif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengira lokasi sekolah. Sehingga kini, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak telah melibatkan 198 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM678.97 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Untuk pelaksanaan projek daif dari tahun 2016 sehingga tahun 2018, sebanyak 166 buah sekolah telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM578.97 juta. Sehingga 17 Oktober 2019, 123 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 43 buah sekolah masih dalam peringkat pelaksanaan.

Di kawasan Parlimen Julau khususnya, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif melibatkan tujuh (7) buah sekolah daif dengan kos projek berjumlah RM50.817 juta melalui peruntukan

pembangunan dan *Private Finance Initiative (PFI)*. Ia meliputi SK Pengulu Andin (status fizikal 100%) dan SK Sungai Sugai (status fizikal 100%), SK Assun (status fizikal 100%), SK Nanga Pakan (status fizikal 99%), SK Nanga Entabai (status fizikal 99%), SK Nanga Engkamop (status fizikal 99%) dan SK Nanga Wak (status fizikal 99%). Skop pelaksanaan bagi projek-projek ini meliputi pembinaan bilik darjah, asrama, tandas dan bilik sains dan dewan serbaguna. Bagi Tahun 2019, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif melibatkan dua buah sekolah iaitu SK Ulu Entaih dan SK Ulu Entabai dengan kos sebanyak RM5 juta. Kedua-dua projek ini sedang dalam pelaksanaan dan dilaksanakan sepenuhnya oleh JKR Sarawak.

Pelaksanaan pembangunan semula dan naik taraf sekolah daif khusus di Parlimen Julau, yang diluluskan di dalam Belanjawan 2020 ialah sebuah sekolah rendah iaitu SK Nanga Meluan dengan anggaran kos projek berjumlah RM32 juta melalui peruntukan pembangunan (DE). Skop pelaksanaan bagi projek ini merangkumi pembinaan bilik darjah, asrama, dewan makan, rumah guru dan bilik sains. Projek ini dilaksanakan sepenuhnya oleh JKR dan dijangka akan di tender pada Disember 2019.